

BAB 2**PENGAJARAN TA'BIR (تَبِيرٌ) DI KOLEJ ISLAM SULTAN****ALAM SHAH (KISAS)****2.0 PENDAHULUAN**

Keupayaan pelajar dalam menta'bîr adalah merupakan kayu pengukur keupayaan mereka dalam berbahasa . Di Kolej Islam Sultan Alam Shah ia turut diajar bagi memenuhi syarat pembelajaran sebagai sebuah SMKA . Penulis memilih sekolah ini sebagai lokasi kajian atas sebab ia merupakan salah sebuah sekolah terbaik di negara kita . Sekiranya pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) yang dipraktikkan di sekolah ini berkesan maka penulis berpendapat ia harus dipraktikkan juga di sekolah-sekolah lain.

2.1 DEFINISI TA'BIR (تَبِيرٌ)

Dalam bab pertama penulis telah memaparkan definisi ta'bîr dari dua aspek iaitu aspek bahasa dan istilah pengajaran. Jika kita merujuk kepada Kamus Dewan , Edisi III : halaman 1522 , kita akan mendapati bahawa ungkapan membawa maksud “ susunan kata yang digunakan dalam percakapan atau tulisan. Frasa atau rangkai kata yang tertentu susunan katanya” .

Seseorang penutur mendapat manfaat daripada bahasa dalam dua situasi iaitu ketika bersemuka dan ketika mengungkap. Bertutur secara semulajadi (natural) ialah dengan mendengar butir-butir kata yang dituturkan sekaligus melihat isyarat-isyarat tangan atau sebagainya yang mengiringi pertuturan tersebut. Cara lain ialah dengan membaca bahasa yang tertulis sama ada melalui mata atau tangan (bagi orang buta).

Dengan kata lain *ta'bīr* boleh dilakukan dengan lidah atau anggota-anggota pertuturan yang lain sama ada dengan isyarat atau tidak. Ia juga dapat dilakukan dengan betul.

(‘Abd. al-Mun‘im , t.t : 8)

2.1.1 KEPENTINGAN TA'BĪR

Menurut Ishak Mohd. Rejab kemahiran bertutur bukan sahaja tujuan penting dalam pengajaran bahasa Arab kepada bukan Arab bahkan ia juga di antara perkara penting yang menjadikan proses P&P lebih segar dan cergas .

(Majalah Pengajian Arab, bil. 4,1994:7)

Ta'bīr (تَبِيرٌ) seperti mana elemen-elemen bahasa yang lain tidak terkecuali daripada mempunyai tujuan dan maksud serta kepentingan di sebaliknya. Dalam membicarakan soal tujuan dan kepentingan ini bolehlah kita bahagikannya kepada dua bahagian iaitu :-

a) Kepentingan am:

Dipetik daripada buku Zakariyyā Ismā'īl (1991:187) ta'bīr (تَبْيَرْ) dalam konteks pembelajaran antara lainnya bertujuan untuk membolehkan seseorang murid mendeskripsi serta menginterpretasikan sebarang perkara yang terlintas difikirannya sesuai dengan pelbagai situasi yang dialaminya dalam kehidupan seharian sama ada di sekolah atau di tempat-tempat lain dengan menggunakan aneka gaya dan cara .

Oleh yang demikian kita memberikan keutamaan kepada kemahiran bertutur lebih daripada kemahiran menulis kerana pada persepsi kita proses pengajaran akan menjadi lebih mudah jika pelajar-pelajar telah menguasai kemahiran bertutur mengikut kadar yang sesuai . (Syed 'Omar ,t.t: 11)

Ta'bīr adalah matlamat asas dalam mempelajari apa-apa bahasa. Dalam kehidupan manusia ia adalah satu-satunya cara untuk meluahkan berbagai perasaan yang tersemat dalam jiwa dan dari sinilah timbulnya definisi terkenal di kalangan ahli falsafah iaitu manusia sebagai haiwan yang boleh bertutur.

Menurut Ahmad Fikri Hj. Husin dan 'Ārif Kurkhnī : dalam pendidikan Islam ta'bīr (تَبْيَرْ) tidak kurang besar peranannya , bahasa Arab adalah bahasa al-Quran dan bahasa Rasulullah (S. A.W) , bahasa ibadat dan bahasa ahli syurga. Bagi

orang-orang Melayu tahap pengetahuan agama mereka adalah tertakluk kepada bahasa Arab dan bahasa ini adalah kunci untuk mereka mendalami ilmu agama .

(Majalah Pengajian Arab bil. 3, 1993: 82-85) ('Ariff Kurkhi ,1994:3)

Menurut 'Ariff lagi bahasa Arab adalah bahasa komunikasi dengan dunia Arab di samping ia juga sebagai bahasa ekonomi dan perdagangan . Kesedaran orang Melayu tentang kepentingan ini mendorong mereka untuk menerima pembelajaran bahasa Arab . Begitu juga ia akan memungkinkan para pendidik mengetahui kepentingan bahasa ini seterusnya menentukan objektif pembelajarannya di negara-negara mereka dan seterusnya meningkatkan corak pengajarannya di sekolah , universiti dan institusi pengajian yang lain.

(Majalah Pengajian Arab,bil. 5 1996:11)

b) Kepentingan khas:

Dalam konteks pengajaran dan pembelajarannya di SMKA kepentingan ta'bir tidak lain dari untuk melahirkan pelajar yang boleh berfikir , menyusun dan menjalankan idea-idea , membentuk ayat dan seterusnya memperkembangkannya dalam bahasa Arab. Dari sini akan lahirlah seorang penutur yang fasih .

2.1.2 BENTUK-BENTUK TA'BIR

Apabila seseorang penutur bertutur, maka kata-katanya atau pertuturannya akan terlaksana dalam salah satu daripada dua bentuk tadi iaitu lisan dan tulisan

(Tamām Ḥassan , t.t: 46). Dan sebagai kesimpulannya ta'bir (تَبِيرٌ) itu terbahagi kepada :-

- a) Ta'bir tahrīriyy (تَبِيرٌ تَحْرِيرِيٌّ)
- b) Ta'bir syafahiyy (تَبِيرٌ شَفَهِيٌّ)

Dalam keterangan selanjutnya penulis akan menggunakan istilah ta'bir syafahiyy (تَبِيرٌ شَفَهِيٌّ) bemaksud ungkapan lisan dan ta'bir tahrīriyy (تَبِيرٌ تَحْرِيرِيٌّ) bermaksud ungkapan bertuliskan.

a) TA'BIR SYAFAHIIYY (تَبِيرٌ شَفَهِيٌّ) ATAU UNGKAPAN LISAN

Semenjak kewujudan manusia, mereka suka untuk mengetahui apa yang ada di sekitar mereka . Dengan itu mereka mula mencari berbagai-bagai cara untuk mencapai matlamat ini, sehingga mereka menemui cara yang paling mudah iaitu pertuturan. (Dr. Ibrāhīm Muḥammad Najā, 1972:4)

Bertutur adalah satu tatacara semulajadi yang mana dengannya seseorang penutur dapat membayangkan perasaannya. Dalam tempoh hayat seseorang manusia dia lebih banyak bercakap daripada menulis. Allah mengurniakan kepada insan kemampuan bertutur sebelum menganugerahkan kepadanya kebolehan menulis. Begitulah istimewanya nikmat bertutur dan dengan cara ini penutur itu dapat memanjangkan hasil pemerolehannya kepada orang lain .

('Abd. al-Mun'im, op. cit: 109-110)

Dalam usia prasekolah khususnya sejurus selepas dilahirkan hingga beberapa bulan selepas itu (5 bulan) kanak-kanak mendeskripsikan kehendak-kehendak mereka menerusi isyarat-isyarat, reaksi suara dan pergerakan tertentu seperti tangisan, ketawa, senyuman dan sebagainya. Ta'bir mereka jelas semulajadi .

(‘Abd. Al-Wāhid Wāfi,1962 :119) (Zakariyyā Ismā‘il, op.cit :187)

Tangisan bayi di saat kelahiran dianggap suara fitrah dan ianya adalah khusus untuk mereka sahaja. Hasil daripada pemerhatian didapati bahawa di akhir enam bulan pertama selepas kelahiran, bayi memperolehi sebahagian besar huruf-huruf vokal dan lebih kurang separuh daripada huruf konsonan.

Pada peringkat ini mereka menuturkan satu bunyi kemudian mengulanginya beberapa kali. Ini terjadi kerana ketidakmampuan mereka menuturkan bunyi itu dengan betul kerana anggota pertuturan mereka belum lengkap.

(Hamīd ‘Abd al-‘Azīz, 1975: 130-131)(Ṣubḥī al-Ṣāliḥ,1986:286)

Perkembangan bahasa kanak-kanak dalam tahun pertama dan kedua disifatkan agak lambat berbanding dengan perkembangan dalam tahun kedua hingga kelima umur mereka . Para pengkaji sependapat bahawa pertambahan kalimah (perkataan) bagi mereka agak lambat hingga mereka boleh berjalan .

(Hamīd, op. cit : 133)

Berdasarkan pemerhatian penulis apabila kanak-kanak mencapai usia tiga hingga lima tahun mereka sudah mampu meniru gaya percakapan orang dewasa . Menurut ‘Abd. al-Wāhid (op.cit: 140) dalam mengambil contoh bahasa, kanak-kanak menyampaikan apa yang diterima melalui pendengaran . Maknanya daya penyampaian mereka terletak kepada kemampuan mereka mendengar.

Antara cara untuk membantu kanak-kanak bercerita atau mengulang cerita yang didengarnya ialah kita tidak memintas rangkaian idea mereka dengan pembetulan bahasa yang banyak ketika mereka sedang bercakap , sebaliknya kita memilih waktu yang sesuai untuk membetulkan kesalahan tersebut mengikut peringkat-peringkatnya. (‘Abd. al-Mun‘im, op.cit:113) . Hasilnya akan muncullah seorang kanak-kanak yang petah bercakap.

Pada peringkat seterusnya iaitu setelah memasuki alam persekolahan , ta‘bīr seseorang kanak-kanak bergantung pula kepada bahasa yang dipertuturkan di sekolah dan kemudian secara beransur-ansur pula ia berkait dengan tahap pemahaman mereka kepada pelajaran , tahap kebolehan mereka dalam pembacaan dan penulisan serta tahap penguasaan leksikal mereka.

Cuma apa yang membezakan antara murid peringkat rendah dengan murid peringkat menengah ialah ta‘bīr di peringkat rendah lebih berbentuk perkataan atau

sekurang-kurangnya ayat pendek , manakala di peringkat menengah mereka sudah mampu menta'bir dalam ayat yang panjang.

Ta'bir shafahiyy (تَبْيَرْ شَفَاهِيَّ) dipengaruhi oleh psikologi perkembangan fizikal, mental dan sosial kanak-kanak. Dari aspek fizikal gaya sebutan mereka banyak dipengaruhi oleh pertumbuhan anggota pertuturnya (artikulasi).

Sebab itulah kita melihat apabila terdapat kekurangan pada salah satu daripada anggota-anggota tersebut ia akan menyebabkan berlaku kecacatan pada sebutan.

Maka tidak hairanlah jika kita dapati ada dari kalangan mereka yang pelat ketika menyebut sesuatu perkataan . Kekurangan ini akan menimbulkan perasaan malu untuk bercakap dan seterusnya menjelaskan atau membantutkan minat mereka untuk terus mengungkapkan apa yang terlintas di fikiran mereka.

Begitu juga apabila mereka merasakan bahawa mereka kurang pandai berbanding dengan kawan-kawan yang lain. Faktor ini biasanya menyebabkan mereka lebih gemar menyisihkan diri dari kawan-kawan mereka.

Situasi sosial juga mempunyai kesan yang ketara terhadap perkembangan ta'bir kanak-kanak di mana faktor perkembangan sosialnya di samping hubungannya

dengan ibu bapanya serta faktor-faktor lain turut memainkan peranan dalam meningkatkan keyakinan diri ketika bersemuka dan berbincang dengan orang lain.

Apabila seseorang kanak-kanak itu merasakan bahawa dirinya dikasihi , dihargai dan diterima dalam pergaulan umum maka sudah pasti dia mampu bergaul dengan individu-individu lain di sekelilingnya dengan penuh rasa bebas dan berani. Seterusnya ia menjadi pendorong kepadanya untuk menta'bir atau mengungkapkan setiap keperluannya dengan penuh keyakinan.

Di sekolah-sekolah khususnya di peringkat menengah ada beberapa bentuk ta'bir (تَبِيرٌ) yang dapat membantu murid-murid mengembangkan daya imaginasi mereka. Antara bentuk-bentuk tersebut (Zakariyyā , op. cit. : 190 – 191) ialah :

i) **Deskripsi (الوَصْفُ)**

Untuk mengaplikasikan bentuk ini murid mesti mendeskripsikan apa yang mereka nampak, apa yang mereka pakai, apa yang mereka rasa, atau menggambarkan kehidupan sehari-hari dan sebagainya sesuai dengan standard mereka.

ii) **Diskusi dan Dailog Berpandu (المُنْتَهَىُ وَالْجِوَازُ الْهَادِيُ)**

Ta'bir bentuk ini juga mencakupi berbagai-bagai topik yang ada kaitan dengan kehidupan dan keadaan murid itu sendiri. Guru akan memperdengar-

kan cerita-cerita pendek secara berulang-ulang , kemudian murid pula diminta berbuat demikian kepada rakan-rakannya.

iii) Ungkapan terbatas (*التَّعْبِيرُ المُحَدَّدُ*)

Pelajar diminta mengisi tempat-tempat kosong pada ayat-ayat yang tidak lengkap, atau diminta membaca beberapa topik sebelum dibincangkan.

iv) Pementasan (*الْتَّمثِيلُ الْمَسَرِّحِيُّ*)

Guru serta pihak pentadbir menggalakkan pelajar menyertai lakonan pentas, mendeklamasi syair atau menyampaikan pidato ketika perhimpunan mingguan diadakan di sekolah.

Bentuk-bentuk yang lain (menurut Ahmad Fikri dan Šālih Samak) adalah seperti soal jawab , bercerita , komentar , muzakarah dan sebagainya. Apa yang penting ialah ta‘bīr harus dipelbagaikan dan ada hubungkaitnya dengan persekitaran, keperluan dan kepentingan intelek , jiwa dan sosial pelajar. Dan kita tidak lupa bahawa ta‘bīr dengan pelbagai jenisnya adalah matlamat pengajaran bahasa kepada murid-murid.

(Ahmad Fikri , Majalah Pengajian Arab, bil. 3: 24) (Šālih Samak,op.cit:424)

Dalam konteks pembelajaran sesuatu bahasa, ia akan dianggap berjaya sekiranya para pelajarnya dapat menuturkan bahasa yang dipelajari itu dengan petah dan

lancar. Justeru , ta'bīr syafahiyy (تَبْيَنُ شَفَاهِيٍّ) memang patut diajar di semua sekolah khasnya di SMKA . Ia adalah bertujuan untuk melahirkan generasi pelajar yang fasih berbahasa Arab serta berkomunikasi dengan bahasa ini. Namun di SMKASL , SAMTTAJ dan KISAS , ta'bīr syafahiyy untuk pelajar tingkatan empat dan lima tidak diajar secara formal oleh guru dalam bilik darjah .

b) TA'BĪR TAHRĪRIYY (تَبْيَنُ تَحْرِيرِيٌّ) ATAU UNGKAPAN BERTULIS

Sesetengah pakar pendidikan mengistilahkannya sebagai ta'bīr kitābiyy (تَبْيَنُ كِتَابِيٌّ) di mana pelajar menta'bīr idea yang ada dalam fikiran mereka , perasaan dan pendapat mereka secara bertulis.

Cara ini boleh memperlihatkan kemampuan sebenar pelajar seperti tahap kemantapan mereka dalam berbahasa , tahap kefasihan mereka, kematangan ilmu serta kesinambungan idea mereka, ketepatan maklumat yang ditulis oleh mereka dan sebagainya.

Tetapi pengajaran ta'bīr (تَبْيَنٌ) tidak akan menghasilkan natijah yang diharapkan jika di akhir proses P & P pelajar tidak mampu menulis dengan mantap, jelas dan tiada kecacatan. Oleh itu, guru tidak harus memikirkan kemampuan muridnya menta'bīr sahaja bahkan membentulkan juga cara muridnya berfikir.

Harus juga diingat bahawa ta'bir kitābiyy (تعیین کتابی) banyak bergantung kepada tahap pengetahuan seseorang pelajar dan sebanyak mana pembacaannya disamping bergantung kepada kadar kekerapannya membuat latihan penulisan dan perencanaan dalam bentuk ujian.

Jadi boleh dikatakan bahawa tahap kemajuan seseorang pelajar dalam menta'bir secara bertulis, pada satu aspek banyak bergantung kepada tahap kelancarannya menyebut patah-patah perkataan dalam bacaan serta tahap pemahamannya terhadap bahan bacaan tersebut, dan pada aspek yang lain bergantung kepada kurangnya kadar kesalahan bahasa dan ejaannya.

Oleh yang demikian penumpuan terhadap kesalahan bahasa dan ejaan haruslah dibuat secara berterusan khususnya bagi murid-murid peringkat rendah dan menengah di mana mereka sepatutnya sudah mampu mengaplikasikan kaedah-kaedah nahu yang telah dipelajari dalam masa mereka menulis pelbagai topik karangan.

Pendekatan ta'bir kitābiyy (تعیین کتابی) sudah semestinya berbeza mengikut peringkat pembelajaran kerana matlamat atau objektifnya sudah jelas berbeza bagi setiap peringkat tersebut.Umpamanya pada peringkat rendah murid-murid hanya perlu mengikut contoh yang terkandung dalam buku teks sahaja kerana objektif pembelajaran mereka untuk membiasakan mereka memilih kalimah-kalimah yang sesuai untuk dipenuhi di tempat-tempat kosong pada ayat yang belum lengkap.

Berdasarkan kajian Zakariyyā dan ‘Abd. al-Mun‘im mendapati pada peringkat menengah mereka lebih cenderong untuk menulis cerita-cerita pendek , membuat rumusan bagi satu-satu artikel atau menulis berkenaan topik-topik yang berhubung dengan permasalahan sosial seperti masalah nikah cerai di negara kita, masalah kenderaan dan sebagainya.

(Zakariyyā , op.cit:192-194) (‘Abd. al-Mun‘im ,op.cit:110)

Beralih kepada corak pengajaran ta‘bīr tahrīriyy (تَعْبِيرٌ تَحْرِيرِيٌّ) di sekolah-sekolah yang telah disebutkan sebelum ini iaitu KISAS, SMKASL dan SAMTTAJ , berdasarkan kajian , pemerhatian serta pengalaman penulis sendiri dapat dijelaskan bahawa ada dua bentuk ta‘bīr tahrīriyy yang diajarkan di sekolah-sekolah tersebut.

Ta‘bīr tahrīriyy (تَعْبِيرٌ تَحْرِيرِيٌّ) lebih dikenali sebagai insyā’ (إِنْسَاءُ) atau karangan di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat dan lima manakala bagi pelajar-pelajar tingkatan enam rendah dan atas pula ia di kenali dengan maqāl (مَقَالٌ) atau esei. Perkataan insyā’ (إِنْسَاءُ) berasal daripada (إِنْشَاءُ), maqāl (مَقَالٌ) pula berasal daripada (قَالَ يَقُولُ قَوْلًا أَوْ مَقَالًا).

Insyā’ (إِنْسَاءُ) dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pertama insyā’ ḥurr (حُرًّ) iaitu karangan bebas . Ia dipanggil karangan bebas kerana pelajar bebas mengemukakan isi-isi karangan mengikut tajuk yang mereka pilih .

Manakala yang kedua ialah insyā' muwajjah (إِنْسَاءُ مُوَجَّهٍ) di mana isi-isi penting , gambar-gambar atau beberapa kalimah yang dapat memberi panduan kepada pelajar untuk menulis sebuah karangan telah disediakan dan pelajar mesti menggunakan panduan tersebut. Dengan ertikata lain jika pelajar tidak menulis karangan mereka berdasarkan panduan yang diberikan ia boleh menjelaskan markah mereka dalam peperiksaan.

Kedua-dua insyā' di atas perlu diajar serta diberi latihan kepada pelajar berdasarkan format soalan peperiksaan SPM yang mewajibkan calon-calon menjawab kedua-dua jenis insyā' tersebut.

Tajuk-tajuk insyā' (إِنْسَاءُ) masih lagi berbentuk deskripsi di samping bentuk cerita, surat, ucapan dan topik am. Jumlah perkataan yang ditulis adalah antara 100-150 patah perkataan dan tidak kurang dari itu.

Apabila pelajar melangkah ke tingkatan enam mereka tidak lagi menulis insyā' (إِنْسَاءُ) sebaliknya mereka telah diperkenalkan kepada penulisan maqāl (مقالات) dengan jumlah perkataannya hampir sekali ganda daripada insyā' iaitu sebanyak 250 patah perkataan dengan tajuk-tajuk yang lebih mencabar dan sesuai dengan peringkat mereka.

Pada tahap ini pelajar-pelajar tidak lagi memerlukan jenis karangan berpandu kerana sepatutnya mereka sudah matang dalam mengolah ayat-ayat dan memilih kalimah-kalimah yang tepat bagi membentuk isi-isi penting sesuatu esei.

Topik-topik pilihan juga lebih menjurus kepada isu-isu semasa yang sedang hangat diperkatakan di kalangan orang ramai sama ada di dalam maupun di luar negara. Tajuk am dan yang bercorak keagamaan juga boleh dijadikan topik pilihan.

Secara ringkasnya perbezaan di antara insyā' (إِنْسَاءُ) dan maqāl (مَقَالُ) adalah seperti berikut :-

a) Jumlah perkataan dalam insyā' (إِنْسَاءُ) hanya 100-150 patah perkataan manakala dalam maqāl (مَقَالُ) pula ialah sebanyak 250 perkataan .

b) Tajuk-tajuk insyā' (إِنْسَاءُ) berbentuk deskripsi , cerita, surat , ucapan atau topik am yang mudah, manakala tajuk-tajuk maqāl (مَقَالُ) lebih mencabar dan lebih menjurus kepada isu-isu semasa.

c) Salah satu daripada jenis insyā' (إِنْسَاءُ) mewajibkan pelajar membina karangan berpandu , manakala dalam penulisan maqāl (مَقَالُ) pelajar tidak lagi perlu menulis karangan jenis ini.

Daripadauraian di atas jelaslah kepada kita bahawa ta'bir syafahiyy (تعبیر شفهی) dan tahririyy (تعبیر نوی) sememangnya ada dipraktikkan di sekolah-sekolah khasnya di Kolej Islam Sultan Alam Shah, tetapi yang menjadi persoalan kepada kita apakah pendekatan yang diamalkan kini mampu melahirkan generasi pelajar yang benar-benar fasih bertutur dan cekap menulis dalam bahasa Arab ?

Jika dikaji dengan teliti, kita akan dapati bahawa objektif am di sebalik pembelajaran cabang-cabang subjek bahasa Arab itu sendiri seperti qawā'id, qirā'at, nuṣūṣ, 'adab, balāghat dan insyā' (قواعد، قراءة، نصوص، أدب، بلاغة، إنشاء) sebenarnya adalah untuk membolehkan pelajar mengungkap dan memahami bahasa Arab.

Setiap cabang itu sebenarnya saling melengkapi dan saling berkait rapat antara satu sama lain. Sebagai contoh , latihan membaca secara senyap dapat melatih murid-murid untuk kemahiran menulis dan begitulah seterusnya. Perkara yang sama diakui oleh 'Abd. al-Mun'im .

('Abd. al-Mun'im , op.cit: 20-21)

Pada pendapat penulis jika pendekatan dan cara yang diamalkan di KISAS sekarang kena pada tempat dan masanya , maka sudah tentu objektif yang ingin dicapai di sebalik pengajaran dan pembelajaran ta'bir dapat dijadikan kenyataan .

Atas harapan inilah maka penulis cuba mencari suatu kaedah yang saksama , yang menepati cita rasa dan keperluan kedua-dua belah pihak iaitu guru dan murid di berbagai peringkat.

2.2 KOLEJ ISLAM SULTAN ALAM SHAH (KISAS)

2.2.1 PENGENALAN

- a) Sejarah Penubuhan Dan Perkembangannya :

Kolej Islam Sultan Alam Shah pada peringkat awal perkembangannya terkenal sebagai Kolej Islam Malaya (KIM) atau Muslim College Malaya (MCM) . Ditubuhkan pada 24hb. Feb . 1955 bersamaan 1374 . (Restu: bil.9, 1975:33)

Dalam proses penubuhan KIM satu jawatankuasa pengelola (yang kemudian-nya ditukar namanya kepada Majlis Kolej Islam) telah dibentuk , ia diketuai oleh Dato' Sayyid Ibrāhīm 'Omar al-Saqāf.

Sultan Selangor ketika itu iaitu al-Marhum Sultan Hishamuddin Alam Shah telah berkenan mewakafkan istananya untuk dijadikan bangunan KIM dengan hasrat ia dapat melahirkan ulama bertaqwā yang akan memimpin masyarakat ke arah jalan yang benar.

Jawatankuasa pengelola telah berjaya mendapatkan khidmat Prof. Dr. Muḥammad ‘Abd. Al-Ra’ūf dan Dr. Zakiyy Abū al-Khair (Dr. Zakiyy Badawiyy).

(Temubual dengan Us. Hussain Unang : 1996) & (Kalendar Kolej Islam Malaya, 1965/66 : 3)

Apabila segala urusan yang berkaitan dengan proses penubuhan telah dapat diselesaikan maka pada 8hb. April 1955 KIM telah dirasmikan oleh al-Marhum Sultan Hishamuddin dengan Sahibul Fadhilah Tuan Hj. Ismail bin. Abd. Aziz , qadhi Johor pada masa itu menjadi pengetua pertama.

(Hamidah Mohd. Saad, 1993: 68-69) (Kalendar op.cit: 9)

Pada tahun 1966 kursus Sijil Tertinggi Kolej Islam Malaya telah dipindahkan ke Petaling Jaya oleh kerajaan pusat sementara kursus persediaannya kekal di Klang dan ditukar namanya kepada Kolej Islam Klang (KIK). Pengetuanya yang pertama ialah Tuan Hj. Nik Mohd. Mohyiddeen bin Musa.

Pada tahun 1967 KIK telah diambil alih oleh Kerajaan Pusat diletakkan dibawah pengawasan Kementerian Pendidikan Malaysia dan seterusnya dinaikkan taraf (1972) sebagai Sekolah Berasrama Penuh. Akhirnya pada 12hb. Jun 1989 sekali lagi Kolej menempa sejarah apabila DYMM Sultan Selangor iaitu Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah menukarkan nama Kolej Islam Klang kepada Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS) dan nama itu digunakan sehingga kini. (Hamidah op.cit: 73-75)

b) Lokasi

KISAS didirikan di atas sebidang tanah yang berukuran seluas 14.3 ekar. Bangunannya terletak di Jalan Kota Raja iaitu kira-kira 1.5 km. dari Bandar Diraja Klang Selangor. (KISAS, Hari Ucapan & Penyampaian Hadiah, 1992: 5)

Kawasan KISAS bersebelahan dengan istana Alam Shah iaitu istana Sultan Selangor dan juga masjid Sultan Sulaiman yang pada satu ketika pernah dijadikan masjid negeri .

c) Bangunan

Bangunan bekas istana telah diubahsuai untuk mewujudkan ciri-ciri sebuah institusi pendidikan , namun bangunan yang ada tidak mencukupi sehingga ramai penuntut terpaksa tinggal di luar kawasan Kolej.

Rentetan daripada itu usaha untuk mencari tapak baru telah dilakukan dan pihak berkenaan telah berjaya mendapatkan tapak seluas 9.2 ekar di Jalan Gasing, Petaling Jaya. Pada tahun 1960 bangunan baru telah dibina di atas tapak tersebut .

Kemudian pihak Kolej telah ditawarkan tanah seluas 30 ekar di Jalan Universiti . Pada tahun 1965 bangunan baru KIM mula dibina dan apabila siap pada tahun 1966 kursus pengajian tinggi telah dipindahkan ke sana. Kemudian kursus ini telah diserapkan ke Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan

Malaysia . Dalam pada itu Kolej Islam Klang terus beroperasi sebagai sekolah menengah .
(Hamidah op.cit:69-73) (Hussain Unang: op.cit.)

Pada tahun 1972 di Klang beberapa blok bangunan yang terdiri daripada bilik-bilik darjah , makmal sains , makmal bahasa , asrama , dewan makan dan dewan kuliah telah dibina . Seterusnya pada tahun 1980an satu lagi projek besar yang menelan belanja lebih RM 1 juta telah dilaksanakan dengan pembinaan satu blok bilik darjah tiga tingkat , sebuah dewan besar , sebuah rumah Pengetua , sebuah rumah Penolong Pengetua , 6 buah rumah warden , 10 buah rumah kakitangan dan beberapa buah gelanggang permainan.
(Hamidah op.cit: 103-104)

Projek terkini (1996) ialah pembinaan sebuah surau untuk pelajar puteri di hadapan asrama puteri itu sendiri.

d) Sistem Pendidikan

Sesi pengajian untuk kumpulan pertama telah dimulakan bertepatan dengan tarikh penubuhan KIM dengan jumlah penuntutnya seramai 55 orang yang datang dari seluruh negara dan juga Singapura.(Kalendar op. cit.:10) Pelajar-pelajar yang terpilih dipilih dari kategori sekolah-sekolah agama dan Arab. Bahasa pengantarnya juga adalah bahasa Arab.

Mata pelajaran bahasa Arab pada masa itu terdiri daripada mutāla'at atau bacaan, mahfūzāt atau hafazan, insyā' atau karangan, ilmu nahu , ilmu prama sastera atau balāgha dan tārīkh al-adab iaitu sejarah kesusasteraan Arab . Dalam mata pelajaran mutāla'at para penuntut dilatih membaca teks-teks tertentu dan kemudian mereka diminta meringkaskannya. Sebelum membuat satu-satu karangan pula mereka diarahkan supaya membincangkan isinya secara lisan terlebih dahulu.

(Kalendar op.cit : 46-55)

Pada umumnya sistem pendidikan di Kolej ini telah mengalami beberapa tahap pengubahsuaian sebelum mempunyai sistem seperti yang ada sekarang . Rentetan pengubahsuaian tersebut boleh dirujuk pada penerangan serta jadual berikut:-

1. Di antara tahun 1955 hingga 1957 kursus-kursus yang ditawarkan terbahagi kepada dua peringkat, peringkat pertama selama tiga tahun dan penumpuan diberi kepada mata pelajaran agama dan lain-lain.

Pemegang sijil peringkat pertama layak meneruskan pengajian ke peringkat kedua selama dua tahun . Kursus dibahagikan kepada empat jabatan iaitu Jabatan Pengajian Bahasa Arab , Syariah, Usuluddin & Falsafah, al-Quran & Hadith di- samping mata pelajaran akademik seperti psikologi .

Mata pelajaran bahasa Arab dan bahasa Inggeris diwajibkan di semua jabatan . Pelajar tahun akhir dimestikan menulis tesis untuk mendapatkan Sijil Tertinggi Kolej

Islam Malaya (STKIM) yang sama tarafnya dengan B.A (Hons) .

2. Pada tahun 1957 satu rombakan kecil telah dibuat di mana pada peringkat pertama para penuntut diwajibkan mengikuti kursus persediaan dalam tempoh dua tahun. Mata pelajaran yang diambil sama seperti yang dipelajari di sekolah menengah pada hari ini.

Setelah lulus barulah mereka layak meneruskan pengajian di peringkat Kolej selama lima tahun iaitu tiga tahun untuk tahap I yang melayakkannya untuk memperolehi Sijil Kolej Islam Malaya (SKIM) dan dua tahun untuk tahap II bagi mendapatkan STKIM .

3. Pada tahun 1961 kursus dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu peringkat pertama : kursus persediaan tiga tahun untuk mendapatkan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dan Sijil Rendah Kolej (SRK). Kemudian diikuti dengan peringkat Kolej selama tiga tahun di mana pelajaran agama dan bahasa Arab dititikberatkan . Untuk memperolehi STKIM penuntut dikehendaki menulis tesis .

Setelah itu barulah mereka layak mengikuti Kursus Pendidikan selama setahun. Mata pelajaran yang diajar ialah pendidikan, psikologi dan latihan mengajar . Sijil yang diperolehi ialah Diploma Pendidikan Kolej Islam Malaya (DPKIM) .

Jadual 1 : Rentetan pengubahsuaian sistem pendidikan Kolej Islam .

Tahun	Peringkat/bilangan tahun	Mata pelajaran	Sijil yg.diperolehi	Catatan
1955 hingga 1957	1 /3 tahun 2 /2 tahun	Agama dan lain2 BA/Sya /Us.& Fal./ Peng.Qur & Hadith, dan akademik	— Sijil TKIM(setaraf denganBA (Hons)	BA&BI Wajib + tesis
1957	1 /2 tahun 2 /5 tahun :- 3th.(tahap I) 2th.(tahap II)	Sama seperti sekolah menengah	— Sijil KIM Sijil TKIM	Kursus P'sediaan
1961	1 /3 tahun 2 /3 tahun 3 /1 tahun	Seperti sekolah Menengah agama/BA Pend./Psikologi	SRP / SRK Sijil TKIM Dip. Pend. KIM	Kursus P'sediaan (tesis) Kursus P'didikan

Pada tahun 1972 apabila Kolej diambil alih sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan kursusnya telah diselaraskan dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Kursus ini menitikberatkan pengajaran agama dan akademik . Pelajar yang diterima masuk disyaratkan lulus SRP dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran agama dan lulus mata pelajaran bahasa Arab . Pada peringkat ini pelajar yang berkelayakan mula menduduki peperiksaan SPM . Kelas-kelas tingkatan 6 sastera dan sains juga telah dibuka.

Pada tahun 1992 sekumpulan pakar-pakar , pegawai-pegawai dan tenaga-tenaga pengajar di bawah pengawasan Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian

Pendidikan telah menyusun sukanan pelajaran baru yang selaras dengan konteks Falsafah Pendidikan Negara (Abd. Halim & Muhammadun Amin , 1994:1) Kolej Islam tidak terkecuali daripada mengalami perubahan ini. Kemahiran-kemahiran bahasa yang diberi penekanan sama seperti sebelum ini iaitu kemahiran bertutur, mendengar , membaca dan menulis manakala mata pelajaran yang diajarkan juga sama seperti dahulu .

Kertas bahasa Arab telah dibahagikan pula kepada dua iaitu bahasa Arab Tambahan (BAT) dan bahasa Arab Komunikasi (BAK). Mata pelajaran mata pelajaran kertas BAT lebih menyamai sukanan lama di mana pelajar diajar mata pelajaran tatabahasa atau *qawā'id* (قواعد), retorika atau *balāghat* (بلاغة), kajian teks atau *nuṣūs* (نصوص), bacaan atau *muṭāla'at* (مطالعات) dan karangan atau *insyā'* (إنشاء). Manakala BAK lebih menekankan aspek komunikasi .

Pihak Kolej berusaha mengeluarkan sijilnya sendiri yang dikenali sebagai Sijil Khas Kolej (SKK) untuk pelajar tingkatan lima dan Sijil Tinggi Kolej (STK) untuk tingkatan enam atas sastera (Ibid: 89-91) , ia diadakan bagi memenuhi objektif penubuhan Kolej (KISAS Hari Ucapan & Penyampaian Hadiah 1996:8) , walau bagaimanapun tarafnya tidak lagi menyamai Sijil Tertinggi KIM. Sistem ini kekal sehingga ke hari ini . Sijil-sijil yang dihasilkan oleh pihak Kolej mendapat pengiktirafan dari berbagai pihak , di antaranya STKIM dan SKK diiktiraf oleh

Kementerian Pendidikan pada tahun 1961, Universiti al-Azhar 1961 dan Universiti London .
(Hamidah,op.cit: 84-92)

Pelajar-pelajar yang berpeluang memasuki Kolej ini terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah agama dari seluruh negara (Malaysia Barat dan Timur) termasuk SMKA. Pada peringkat KIK dan KISAS syarat kemasukan ialah mendapat 5 atau 6 aggregate dalam peperiksaan SRP dan ketika PMR mula diperkenalkan syaratnya diubah kepada 9A atau 8A & 1B atau 7A & 2B .

Bagi kemasukan ke tingkatan 6 rendah pelajar disyaratkan mendapat gred satu dalam SPM dengan kepujian dalam mata pelajaran bahasa Arab, bahasa Melayu dan Agama.

Tenaga-tenaga pengajar Kolej dalam semua peringkat pengajian terdiri dari pada lulusan universiti sama ada tempatan mahupun luar negeri . Mereka ini terdiri daripada dua golongan iaitu guru agama & bahasa Arab, dan guru akademik (sains dan sastera).(Ibid : 7)

Rumusan daripada keterangan-keterangan yang diberikan di atas , pengajaran bahasa Arab adalah merupakan fokus utama dalam pelaksanaan sukanan mata pelajaran di semua peringkat perkembangan pendidikan di Kolej Islam.

2.2.2 OBJEKTIF DAN FALSAFAH PENUBUHANNYA .

Kolej Islam mempunyai objektif-objektif am Kementerian Pendidikan sesuai dengan tarafnya sebagai sebuah sekolah yang melaksanakan sistem pelajaran bersepadu antara pelajaran agama dan akademik serta berorientasikan keislaman baik dari segi teori maupun amali.

Di samping itu , Kolej juga mempunyai falsafahnya sendiri yang mana ia merupakan falsafah asal sejak KIM ditubuhkan . Di antara Objektif Khas Kolej (Falsafah Kolej) tersebut ialah memajukan pelajaran agama dan bahasa Arab yang sangat diperlukan oleh masyarakat kita dewasa ini sebagai usaha untuk menyediakan benteng bagi memelihara aqidah dan syariat Islam. (Ibid: 5)

Dengan kombinasi dua objektif di atas maka tercetuslah usaha-usaha dari pelbagai pihak khususnya pihak Kementerian Pendidikan dalam menggariskan sukanan pelajaran bahasa Arab seperti mana yang telah dihuraikan tadi , yang mana ta'bir (تعبير) adalah merupakan salah satu daripada cabangnya .

2.2.3 SUMBANGAN KOLEJ

Usia Kolej Islam Sultan Alam Shah sejak daripada tarikh penubuhannya pada tahun 1955 telah menjangkau lebih kurang 45 tahun . Dalam jangka masa yang panjang ini sudah semestinya banyak sumbangan yang diberikan khususnya dalam aspek pendidikan Islam itu sendiri.

Berikut penulis senaraikan sumbangan-sumbangan tersebut untuk maklumat bersama , di antaranya ialah :-

a) Sistem pendidikannya banyak membantu dalam melahirkan pelajar-pelajar yang berketrampilan dalam pelbagai bidang, mempunyai pengetahuan yang seimbang di antara agama dengan akademik. Ramai di antara mereka yang telah berjaya menjawat jawatan-jawatan tinggi dalam berbagai bidang seperti politik , pentadbiran , pendidikan atau ekonomi.

b) Perimbangan di antara kurikulum dengan ko-kurikulum membantu pelajar menimba ilmu dalam bilik darjah di samping memberi pendedahan tentang cara berinteraksi dengan masyarakat semasa berorganisasi di dalam persatuan atau kelab.

c) Penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) sebenarnya adalah merupakan lanjutan daripada penubuhan Kolej Islam. Penubuhan sekolah-sekolah tersebut adalah hasil usaha gigih pengetua Kolej Islam Klang yang pertama , iaitu al-marhum Ustaz Nik Mohd Mohyiddeen Musa untuk menggantikan sistem pondok.

Pelajar- pelajar dari sekolah-sekolah tersebut (SMKA) yang lulus cemerlang dalam peperiksaan SRP / PMR akan ditawarkan untuk melanjutkan pelajaran mereka ke Kolej Islam.

Pada hakikatnya target jangka panjang penubuhan SMKA dan Kolej Islam ialah untuk melahirkan pelajar-pelajar yang berpengetahuan agama dan seimbang dengan kemajuan sains dan teknologi.

- d) Sebagai natijah daripada peningkatan prestasi pelajar-pelajar ini, maka ia telah menarik minat Kementerian Pendidikan untuk mewujudkan Kelas Aliran Agama (KAA) di setiap sekolah menengah supaya penekanan kepada pendidikan Islam dapat diserapkan di sekolah-sekolah tersebut.

Pada tahun 1993 , Kolej Islam Sultan Alam Shah telah menerima masuk generasi pertama pelajar-pelajar daripada KAA ke tingkatan empat .

- e) Kolej Islam ada mengeluarkan sijilnya sendiri iaitu Sijil Khas Kolej dan Sijil Tinggi Kolej yang diiktiraf oleh universiti-universiti di Timur Tengah seperti Jordan dan Mesir. Ini dapat membantu melahirkan para ulama intelek yang mampu mengembangkan ilmu-ilmu mereka kepada seluruh anggota masyarakat .

(Hamidah op. cit.:120-122)

Jelaslah kepada kita sekarang bahawa Kolej Islam Sultan Alam Shah dengan kedudukannya sebagai salah sebuah daripada sekolah-sekolah berasrama penuh di samping sebagai sebuah sekolah perintis bagi SMKA yang lain banyak memberikan sumbangan dalam melahirkan tokoh-tokoh berkaliber yang berketrampilan dan

seimbang ilmu pengetahuan dunyāwiyy dengan ukhrawiyynya di samping sumbangan-sumbangan lain.

Lantaran itu penulis berpendapat bahawa pemilihan Kolej Islam Sultan Alam Shah untuk dijadikan lokasi kajian berhubung dengan kaedah pengajaran ta'bir adalah suatu tindakan yang wajar memandangkan pelajar-pelajarnya terdiri daripada kumpulan pelajar cemerlang yang terpilih dari sekolah-sekolah seluruh Malaysia.

2.3 PENDEKATAN DALAM PENGAJARAN TA'BIR (تَبْيَنٌ)DI KOLEJ ISLAM SULTAN ALAM SHAH.

Sebagai sebuah sekolah yang dianggap terulung di Malaysia , para tenaga pengajar dan pihak pentadbir Kolej Islam Sultan Alam Shah sentiasa berusaha keras bagi memastikan pelajar-pelajarnya lulus cemerlang dalam semua subjek termasuklah bahasa Arab sama ada di peringkat SPM mahupun STPM.

Di KISAS aktiviti menta'bīr secara lisan diserapkan dalam pengajaran mata pelajaran yang tertentu seperti muṭāla'a (مُطَلَّعَةً) dan insyā' (إِشَاءُ) atau maqāl (نقَالْ) bagi pelajar tingkatan enam. Antara bentuk yang popular untuk aktiviti menta'bīr ini ialah deskripsi , diskusi , dailog berpandu dan ungkapan terbatas .

Bagi pelajar tingkatan enam , praktikal ta'bīr syafahiyy (تَبْيَنٌ شَفَاهِيٌّ) memang diambil berat oleh tenaga pengajarnya . Ia selari dengan pendapat ustaz

Muhammadun Amin dalam kertas kerjanya « al-Lughat al-'Arabiyyat al-Ittiṣāliyyat-Tajribat Wizārat al-Tarbiyyat : 5 » (Seminar Pengajaran Bahasa Arab Dan Sejarah Islam Peringkat Antarabangsa ,1994) yang menyatakan bahawa : pelajar yang boleh bertutur dilihat boleh berkomunikasi dengan baik, lebih-lebih lagi mereka akan menghadapi ujian lisan bahasa Arab di peringkat Sijil Tinggi Persekolahan (STPM).

Pelajar-pelajar di peringkat ini masih terikat dengan topik yang bercorak deskripsi dan diskusi , tapi mereka telah menguasai klausa yang lebih panjang , bahkan mereka juga sudah mampu berdebat dalam bahasa Arab jika diberi peluang .

Dengan menggunakan teknik soal selidik , penulis telah cuba meninjau apakah pendekatan-pendekatan yang biasanya diaplikasikan di sekolah tersebut.

2.3.1 PENDEKATAN YANG DIAMALKAN OLEH PARA GURU

Menerusi data-data yang diperolehi daripada soal selidik pelajar penulis mendapati bahawa ada tiga pendekatan yang paling popular di kalangan para guru di Kolej Islam iaitu penerangan/soal jawab, perbincangan dan penyampaian sehala .

Peratusan berikut diperolehi daripada analisis soal selidik kenyataan 60 orang pelajar berhubung dengan jenis pendekatan yang dipraktikkan oleh guru-guru mereka dalam bilik darjah.

Jadual 2 : Pendekatan Guru Dalam P&P .

Bil.	Kategori Pendekatan	Bilangan Populasi KISAS	%	Bilangan Populasi SMKASL	%	Bilangan Populasi SAMTAJ	%	Jum.	%
1	Penerangan/ soal jawab	56	37	28	33	24	37	108	36
2	Perbincangan	54	36	27	32	27	42	108	36
3	Penyampaian sehala	36	24	20	24	12	19	68	23
4	Permainan bahasa	04	03	09	11	-	-	13	04
5	Lakonan	01	01	-	-	02	02	03	01
6	Bahas	01	01	-	-	-	-	01	0.3
	Jumlah	152	100	84	100	65	100	301	100

Jika kita meneliti jadual peratusan di atas kita akan dapati bahawa sebahagian besar daripada responden Kolej iaitu 56 dari 60 orang atau 37% menyatakan bahawa guru-guru mereka lebih gemar menggunakan pendekatan penerangan / soal jawab.

Manakala 54/60 orang atau 36% daripada mereka menyatakan bahawa kaedah perbincangan juga tidak kurang popular di kalangan guru-guru mereka. Penyampaian sehala pula menduduki tempat ketiga popular selepas dua kaedah tadi iaitu 24% .

Selain daripada tiga pendekatan tadi, ada tiga lagi pendekatan lain yang di praktikkan oleh guru-guru KISAS tetapi mempunyai peratusan yang agak rendah iaitu permainan bahasa (03%) , lakonan dan bahas (masing-masing 0.1 %) kerana ia tidak begitu popular. Pendekatan ini sebenarnya diambil atas inisiatif guru-guru yang berkenaan .

Berdasarkan soal selidik juga penulis mendapati ada sebahagian guru yang mempelbagaikan kaedah pengajarannya seperti mengadakan aktiviti demonstrasi (tunjuk cara), iklan , pembentangan kertas kerja dan juga tasmi' (تسمية) atau menyemak hafalan.

Penulis juga mendapati di antara pendekatan yang menduduki tiga tempat teratas , dua daripadanya turut diterima oleh pelajar sebagai kaedah yang sesuai untuk mereka iaitu kaedah perbincangan dan penerangan/soal jawab di mana seramai 50/60 responden menerima kaedah perbincangan sebagai kaedah yang berkesan . 45/60 responden pula berpendapat kaedah penerangan/soal jawab juga tidak kurang kesannya bagi mereka.

Untuk tujuan perbandingan penulis membawakan juga dapatan daripada soal selidik keatas pelajar-pelajar SMKASL dan SAMTTAJ. Jelas kepada kita bahawa di dua buah sekolah ini juga kaedah penerangan , perbincangan dan penerangan sehala menjadi pilihan utama guru-guru mereka . Cuma ada sedikit perbezaan di SAMTTAJ kaedah perbincangan lebih diutamakan daripada kaedah-kaedah yang lain iaitu 42%. Kaedah permainan bahasa masih digunakan di SMKASL (11%) , sementara kaedah lakonan dan bahas kurang atau tidak terdapat di sana.

Kesimpulannya guru-guru di KISAS dan di sekolah-sekolah agama yang lain mempunyai citarasa yang sama iaitu memilih pendekatan penerangan dan soal jawab , perbincangan dan penerangan sehala sebagai kaedah utama dalam P&P mereka . Ertinya guru gemar memilih kaedah-kaedah ini , tetapi menurut pemerhatian penulis kaedah penyampaian sehala agak kurang diterima oleh pelajar sebaliknya mereka lebih cenderung untuk memilih kaedah permainan bahasa dan lakonan.

Faktornya adalah kerana pada persepsi mereka kaedah penyampaian sehala lebih menjurus kepada satu proses pengajaran yang berat sebelah dan hanya melibatkan satu pihak sahaja iaitu pihak guru manakala pelajar hanya berfungsi sebagai pendengar atau penerima sahaja.

Kaedah ini memang mudah untuk diaplikasikan tetapi pada pendapat penulis kepentingan pelajar juga harus diambil kira kerana jika tidak kena pada caranya

kaedah ini boleh menyebabkan timbul rasa bosan dalam diri mereka dan seterusnya menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran kurang berkesan , ini sesungguhnya akan merugikan pelajar.

Berbalik kepada kecenderungan pelajar memilih kaedah permainan bahasa dan lakonan sebagai kaedah berkesan , alasan mereka kerana kedua-dua pendekatan tersebut dapat menarik minat mereka untuk terus mengikuti pelajaran di samping dapat memperkayakan mereka dengan perbendaharaan kata baharu .

Ini amat bersesuaian dengan naluri mereka sebagai kanak-kanak remaja yang gemarkan unsur-unsur yang dapat menyeronokkan mereka . (Huraian lanjut mengenai kaedah permainan bahasa dan lakonan akan diberi dalam bab 4).

2.3.2 INISIATIF GURU

Di samping pendekatan-pendekatan yang terdahulu penulis dapati ada di kalangan guru-guru KISAS yang mengambil inisiatif menggunakan pendekatan mereka sendiri , di antaranya ialah :-

- a) Mereka sendiri memperbanyakkan pertuturan dalam bahasa Arab ketika menyampaikan pengajaran untuk membiasakan pelajar-pelajarnya dengan kalimah-kalimah (perkataan) Arab.
- b) Pelajar sendiri digalakkan bertutur dengan menggunakan bahasa al-Quran ini

di sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran walaupun hanya dua tiga patah perkataan sehari dengan berpegang kepada prinsip “ sedikit sedikit lama-lama jadi bukit ”.

- c) Ada guru-guru yang memperuntukkan 5-10 minit pertama daripada masa belajar untuk mendengar seorang daripada pelajar-pelajarnya membuat persembahan dalam bahasa Arab . Aktiviti ini dilakukan secara bergilir-gilir pada setiap waktu belajar iaitu sebelum proses pengajaran dimulakan serta melibatkan semua pelajar dalam bilik darjah.

Mereka diberi kebebasan untuk memilih sendiri bentuk-bentuk ta'bir yang mereka kehendaki sama ada ucapan , cerita pendek, syair dan sebagainya serta bebas memilih sama ada ingin mencipta sendiri atau memetik dari mana-mana sumber atau pun bercakap secara spontan. Apa yang penting ialah mereka mesti bertutur dalam bahasa Arab tanpa melihat teks serta boleh mengaplikasikannya apabila perlu.

2.3.3 TINDAKAN SUSULAN

Selain daripada beberapa inisiatif yang termaktub di atas, ada lagi inisiatif lain yang diambil oleh segelintir guru dalam usaha mereka untuk memastikan pelajar mereka mendapat manfaat daripada pengajarannya.

Inisiatif tersebut berupa tindakan-tindakan susulan yang diambil oleh guru-guru terbabit setelah mengenal pasti aspek kelemahan pelajar-pelajarnya dalam menta'bir. Di antara beberapa bentuk tindakan susulan yang diperolehi penulis hasil soal selidik ialah:-

- a) Memberi penekanan pada aspek kelemahan bermula dengan menunjukkan tempat kesalahan pelajar.

Bagi ungkapan bertulis guru akan membuat bulatan pada kalimah yang salah dan bagi ungkapan lisan pula guru akan mengulang semula kalimah yang mengandungi titik kesilapan, kemudian guru akan memberi komentar sambil menerangkan bentuk kesalahan pada kalimah tersebut dan seterusnya memberi penerangan tentang cara menyebut atau menulis yang betul sehingga pelajar benar-benar faham dan tidak mengulangi kesilapan mereka.

Setelah aspek kesalahan dikenalpasti dan diberi penjelasan, pelajar ditugaskan untuk membuat pembetulan atau memperbaiki kesalahan tersebut. Untuk ta'bīr syafahiyy (تفصیل شفهی) pembetulan dilakukan secara spontan selepas teguran diberi.

- b) Memperbanyakkan latihan di dalam dan di luar bilik darjah.
- c) Guru berusaha menambah perbendaharaan kata pelajar dengan memberi sejumlah istilah atau kalimah (perkataan) baru kepada mereka, menggalakkan mereka

membaca bahan-bahan yang tertulis dalam bahasa Arab seperti buku, majalah dan seumpamanya.

Guru juga memperkenalkan kamus-kamus yang baik dan sesuai untuk pelajarnya , atau guru memberi tugas kepada pelajarnya untuk membaca petikan yang berupa cerita pendek, ataupun mengadakan aktiviti menonton video kemudian diadakan perbincangan tentang jalan cerita terbabit.

- d) Guru menggalakkan pelajar-pelajar bertutur secara spontan dalam bahasa Arab di samping memperkayakan mereka dengan gaya-gaya bahasa yang biasa digunakan dalam percakapan.
- e) Guru membuat analisis pada titik kesalahan , memberi kritikan dan memberi nasihat kepada pelajar terbabit supaya lebih berhati-hati dalam menta‘bir.
- f) Guru membuat ulangkaji beberapa aspek qawā'id (قواعد) iaitu tatabahasa yang ada hubungkait dengan aspek kesalahan ta‘bir.
- g) Guru berusaha memperbaiki mutu pengajarannya.

2.3.4 KEPRIHATINAN PIHAK PENTADBIR

Pihak pentadbir Kolej juga tidak ketinggalan dalam memberikan sumbangan ke arah memantapkan kualiti bahasa Arab di KISAS. Sehubungan dengan itu beberapa usaha yang difikirkan dapat membantu merealisasikan matlamat ini telah dilaksanakan di antaranya:-

- a) Menyediakan ruang khas yang dikenali sebagai "Lorong Ilmu" bagi memberi peluang kepada para pelajar mempamerkan karya-karya mereka untuk tatapan seluruh warga Kolej.
- b) Pihak sekolah menyediakan aneka bahan bacaan di perpustakaan dan para pelajar digalakkan meminjam atau membacanya.
- c) Pengetua sendiri menggalakkan para pelajar membaca akhbar, majalah atau buku cerita berbahasa Arab dengan menguji kemampuan mereka membaca bahan-bahan tersebut serta memberi galakan kepada mereka supaya berusaha mengumpul istilah-istilah terkini dan kalimah-kalimah baru daripadanya dengan cara menulisnya di dalam kamus kecil buatan mereka.
- d) Mengadakan minggu bahasa Arab di mana guru dan pelajar diwajibkan bertutur dalam bahasa Arab dalam segala urusan mereka.
- e) Mengadakan pertandingan syarahan, menulis artikel, kuiz, forum, bahas,

membaca buku terbanyak, drama , pentomin dan bercerita dalam bahasa Arab yang popular dengan istilah ihtifāl (الْهَتَّافَلُ) di peringkat sekolah , negeri dan kebangsaan.

- f) Mewajibkan guru (khususnya guru bahasa Arab) bertutur dalam bahasa tersebut bersama pelajar, serta menggalakkan para pelajar berkomunikasi dengan menggunakan bahasa tersebut antara sesama mereka sama ada di dalam atau di luar bilik darjah.
- g) Memberi peluang kepada pelajar untuk mempersembahkan pidato, lakonan dan sebagainya semasa sesi perhimpunan mingguan diadakan.
- h) Pihak pentadbir sekolah sentiasa mengikuti perjalanan aktiviti persatuan bahasa Arab.

Sebagai rumusannya kerjasama mampu menghasilkan kecemerlangan.

2.4 TAHAP PENGUASAAN TA'BIR (تبیین) DI KALANGAN PELAJAR

Data diperolehi melalui dua metodologi iaitu penyelidikan perpustakaan dan temubual. Penulis membahagikan tahap ini kepada dua kategori iaitu :-

2.4.1 TAHAP PENGUASAAN TA'BIR TAHRIRIYY (تغییر تحریری)

Dalam bab 1 penulis ada menyebut secara sepintas lalu tentang satu kajian

khusus berhubung dengan kesilapan pelajar dalam penulisan karangan bahas Arab pada tahun 1995 yang mana respondennya ialah 120 orang pelajar KISAS.

Berdasarkan analisis pengkaji tersebut telah membuat rumusan bahawa ada 4 aspek kesalahan bahasa yang begitu ketara dan kerap dilakukan oleh pelajar semasa menulis karangan iaitu tatabahasa, ortografi, struktur ayat dan leksikal.

Hasil temubual yang dibuat oleh penulis tersebut dengan beberapa orang pelajar didapati bahawa di antara punca berlakunya kesalahan tersebut ialah :-

- a) Pelajar tidak mengambil berat dengan aspek tatabahasa semasa menganalisa. Terjadinya gaya bahasa «Arab Kemelayuan» adalah kerana terjemahan idea dari bahasa Melayu ke bahasa Arab.
- b) Kurang minat serta kurang faham tentang cara penggunaan tatabahasa dalam ayat.
- c) Kurang terdedah kepada media bahasa Arab .
- d) Kurang memberi perhatian ke arah meningkatkan kemampuan untuk menguasai bahasa Arab melalui bacaan. (Radhiah, op.cit.: 51-82)

2.4.2 TAHAP PENGUASAAN TA'BIR SYAFAHİYY (تَعْبِيرُ شَفَهِيٍّ)

Beberapa sesi temubual telah diadakan oleh penulis dengan 30 orang pelajar tingkatan empat dan 30 orang pelajar tingkatan enam rendah. Hasil temubual ini penulis dapat mengesan beberapa aspek kesalahan.

Jadual berikut menunjukkan bahawa kesalahan yang paling banyak dilakukan oleh pelajar KISAS dalam perbualan mereka ialah penggunaan bahasa Melayu iaitu sebanyak 57 kesalahan atau 23%.

Uslub (أسلوب) atau gaya bahasa menduduki tempat kedua iaitu sebanyak 54 kesalahan atau 22% , manakala kesalahan leksikal adalah sebanyak 39 kali iaitu 16% , kesalahan yang membabitkan ganti nama pula adalah sebanyak 25 kali mewakili 10%, kesalahan kata sifat sebanyak 15 iaitu 06% dan kesalahan makhraj (مخرج) pula sebanyak 20 kali iaitu bersamaan 08% .

Di samping kesalahan-kesalahan itu , ada lagi beberapa jenis kesalahan lain yang biasa terdapat dalam perbualan pelajar Kolej Islam iaitu kesalahan subjek / predikat (مُبْدأ / مُبْنَى) , kata tunjuk (مُقْرَن) , kata kerja (فعل) , partikel jar (حَذْف) yang masing-masing mewakili 03% . Kesalahan lain ialah kata gabungan (مضْفَأ / مضْفَق) yang masing-masing mewakili 03% . Kesalahan lain ialah kata nama penghubung (إِلَيْهِ) dan isim inna (إِنْ) 02% dan akhir sekali nama khas (علم) dan kata nama (الْمَوْصُوفُ) iaitu sebanyak 01% .

Jadual 3: Aspek Kesalahan Dalam Ta'bir Syafahiyy .

Bil.	Kategori kesalahan	Bilangan kesalahan (pel.Ting. 4)	%	Bilangan kesalahan (pel.Ting.6R)	%	Jumlah	%
1	Leksikal	25	16	14	14	39	16
2	Guna bahasa Melayu	39	25	18	18	57	23
3	Gaya bahasa	27	18	27	28	54	22
4	Subjek/predikat	03	02	04	04	07	03
5	Ganti nama	14	09	11	11	25	10
6	Kata gabungan	01	01	04	04	05	02
7	Kata tunjuk	03	02	05	05	08	03
8	Nama khas	01	01	01	01	02	01
9	Kata sifat	08	05	07	07	15	06
10	Kata kerja	-	-	01	01	01	0.3
11	Partikel jar (جَرْ)	05	03	04	05	09	03
12	Makhraj (مَخْرَجٌ)	18	12	02	02	20	08
13	Isim inna (إِنْتَ)	06	04	-	-	06	02
14	Kata nama Penghubung	03	02	-	-	03	01
	Jumlah	153	100	98	100	251	100

Contoh-contoh kesalahan adalah seperti berikut:-

- a) Leksikal : " لَأَنَّ أَزَادَ أَنْ "
 sepatutnya : " لَأَنِّي أَرِيدُ أَنْ أَزِيدَ "
- b) Guna bahasa Melayu : " هَذِهِ الْكُلِّيَّةُ ... إِلَهٌ ... مُشْبِّعُنِ اسْلَامَ لَهُ "
 sepatutnya : " هَذِهِ الْكُلِّيَّةُ تَتَشَرَّدُ الدِّينَ الْإِسْلَامِيَّ "
- c) Gaya bahasa : " الْآنَ ... الْحُكُومَةُ أَسْتَعْدَدُ لِ "
 sepatutnya : " الْآنَ الْحُكُومَةُ تَسْتَعِدُ لِ "
- d) Subjek/predikat: " أَسْلُوبُهَا جَمِيلَةٌ "
 sepatutnya : " أَسْلُوبُهَا جَمِيلٌ "
- e) Ganti nama : " إِنِّي لَمْ تَسْكُنْ فِي بَيْتِ الطَّلَبَةِ "
 sepatutnya : " إِنِّي لَمْ أَسْكُنْ فِي بَيْتِ الطَّلَبَةِ "
- f) Kata gabungan : " .. يُمْكِنُ الْمُعَطِّمُ لِلْغَةِ الْعَرَبِيَّةِ "
 sepatutnya : " يُمْكِنُ مُعَطِّمُ لِلْغَةِ الْعَرَبِيَّةِ "
- g) Kata tunjuk : " فِي هَذِهِ الْكُلِّيَّةِ "
 sepatutnya : " فِي هَذِهِ الْكُلِّيَّةِ "

- h) Nama khas : " فِي الْكَتَنَانِ " " فِي الْكَتَنَانِ "
sepatuinya : " فِي الْكَتَنَانِ " " فِي الْكَتَنَانِ "
- i) Kata sifat : " وَالسَّنَةُ الثَّانِيُّ " " وَالسَّنَةُ الثَّانِيُّ "
sepatuinya : " وَالسَّنَةُ الثَّانِيُّ " " وَالسَّنَةُ الثَّانِيُّ "
- j) Kata kerja : " أَنَا أُرِيدُ أَنْ أَوَّلَ أَصْلٍ ... " " أَنَا أُرِيدُ أَنْ أَوَّلَ أَصْلٍ "
sepatuinya : " أَنَا أُرِيدُ أَنْ أَوَّلَ أَصْلٍ "
- k) Partikel jar : " مِنْ الْعَطْمِ " " مِنْ الْعَطْمِ "
sepatuinya : " مِنْ الْعَطْمِ " " مِنْ الْعَطْمِ "
- l) Makhraj : " مُهَمَّدٌ إِبْرَاهِيمًا " " مُهَمَّدٌ عَيْسَى "
sepatuinya : " مُهَمَّدٌ عَيْسَى " " مُهَمَّدٌ عَيْسَى "
- m) Isim inna : " إِنَّ لِغَةَ الْقُرْءَانِ " " إِنَّ لِغَةَ الْقُرْءَانِ "
sepatuinya : " إِنَّ لِغَةَ الْقُرْءَانِ " " إِنَّ لِغَةَ الْقُرْءَانِ "
- n) Kata nama penghubung : " الجَامِعَةُ الَّذِي " " الجَامِعَةُ الَّذِي "
sepatuinya : " الجَامِعَةُ الَّذِي " " الجَامِعَةُ الَّذِي "

Faktor berlakunya kesalahan-kesalahan tersebut adalah sama seperti faktor-faktor yang telah dipaparkan tentang aspek kesalahan dalam penulisan karangan sebelum ini . Faktor-faktor yang lain mungkin dapat dirumuskan dalam kenyataan-kenyataan penulis di bawah.

Dalam kes ini guru tidak boleh dipersalahkan kerana mengikut kajian, daripada jumlah 60 orang responden , 58 orang daripada mereka menyatakan bahawa guru mereka menggunakan bahasa Arab ketika mengajar dan dalam pada itu 50 orang daripada pelajar yang sama mengakui bahawa mereka digalakkan berbahasa Arab di-sekolah.

Apabila menyentuh tentang kesalahan sebutan dalam ta'bir syafahiyy (تعبير شفهي) mungkin ada di antara pembaca yang mempersoalkan bahawa kes seperti ini tidak sepatutnya wujud di kalangan pelajar sekolah agama.

Untuk menjawab persoalan ini penulis menyatakan (berdasarkan analisis latarbelakang pelajar-pelajar yang ditemubual) bahawa daripada 60 orang pelajar yang terbabit, 11 orang daripada mereka adalah pelajar tingkatan 4 yang mana mereka mempunyai latar belakang bahasa Arab yang tidak begitu kukuh walaupun mereka datang dari SMKA. 3 orang daripada mereka berasal dari Kelas Aliran Agama.

Gaya sebutan mereka ketika bertutur tidak menjurus ke arah sebutan Arab atau lebih tepat lagi jika penulis mengatakan bahawa gaya sebutan mereka lebih keinggerisan.

Menurut 'Ariff Kurkhi, jika kita merujuk kepada analisis kesalahan dalam ilmu linguistik , ada tiga perkara penting di dalamnya, antaranya ialah pelajar-pelajar Melayu terlalu dipengaruhi oleh bahasa ibunda mereka, contohnya mereka menemui kesukaran dalam menyebut beberapa huruf konsonan Arab dengan betul kerana ia berbeza dengan bahasa ibunda mereka (Majalah pengajian Arab , bil. 2, 1991 : 5). Perkara yang sama diakui oleh Rusydi (Rusydi Ahmad Ta'im, 1989: 55).

Sehubungan itu tidak hairanlah jika ada 4 orang daripada pelajar tingkatan 6 rendah yang sebutan Arab mereka ada unsur kedaerahan (slanga), kerana mereka jelas masih terikat dengan dialek tempat asal mereka.

Sebagai kesimpulan daripada kenyataan di atas dapatlah dikatakan bahawa tahap penguasaan ta'bir (تَبِير) di kalangan pelajar KISAS dalam kedua-dua kategorinya bolehlah dikatakan sederhana dan perlu ditingkatkan.

Seperkara lagi yang diperhatikan oleh penulis ialah pelajar yang datang dari sekolah yang menitikberatkan asas bahasa Arab dapat bertutur dengan baik dan tepat. Sebagai contoh pelajar yang datang dari Maktab Mahmud Kedah , Madrasat al-

Ma'ida_t al-Diniyyat_t Pahang dan juga dari KISAS sendiri mampu bertutur dengan fasih dan sebutan yang bagus.

Asmah (1988: 6) menyatakan bahawa dengan adanya sekolah-sekolah Arab atau sekolah pondok (contohnya di Kedah) lebih memperkuatkan bahasa itu di-kalangan tertentu masyarakat Melayu.

Sebaliknya pelajar yang datang dari Kelas Aliran Agama misalnya agak malu untuk bertutur dalam bahasa Arab ditambah lagi dengan gaya sebutan yang ala Inggeris.

Cara berkesan untuk mengatasi masalah-masalah di atas , penulis berpendapat jika dilatih secukupnya mereka akan boleh bertutur dengan lebih baik. Dalam latihan bertutur penggunaan tatabahasa tidak boleh diabaikan .